

Dua gadis Indonesia mengaku salah kendali mesin judi didenda RM10,000

KUCHING: Dua gadis dari Bengkayang, Indonesia masing-masing didenda RM10,000 atau enam bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah mengendalikan mesin judi berupa sebuah telefon bimbit.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh berusia 20 tahun dan Kristina Ilin, 24, yang didakwa mengikut Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka (ARJT) 1953 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda minimum RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 bagi setiap mesin judi yang dirampas dan boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi lima tahun jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, dua gadis itu didakwa secara bersama melakukan kesalahan berkenaan di sebuah kedai di Kampung Geobilt, Jalan Bako

di sini sekitar jam 1.45 petang pada 5 Mac 2025.

Mengikut fakta kes, sepasukan polis melaksanakan Ops Dadu pada hari kejadian menangkap kedua-dua tertuduh yang sedang duduk di dalam kedai susulan disyaki menjalankan aktiviti penjualan tambah nilai judi dalam talian tanpa lesen.

Polis kemudian mendapati telefon bimbit yang diguna oleh kedua-dua tertuduh mempunyai aktiviti tambah nilai kredit judi dengan menggunakan aplikasi dalam talian.

Susulan itu, polis merampas telefon bimbit tersebut bersama pencetak mudah alih, resit cetakan tambah nilai kredit judi dalam talian dan wang tunai berjumlah RM446.

Laporan pakar judi kemudiannya mengesahkan bahawa barang kes yang dirampas adalah positif penjualan judi dalam talian.

Kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.